

# Fountain of KNOWLEDGE

## Hari Bersama Pelanggan bersempena Mini Karnival Pustaka 2011

oleh Norzihah Abdullah ([norzihaa@sarawaknet.gov.my](mailto:norzihaa@sarawaknet.gov.my))

Bertempat di Godown Amphitheatre, Kuching Waterfront pada Sabtu, 15 Oktober 2011, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Mini Karnival Pustaka Negeri Sarawak. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan pada pagi tersebut ialah Pertandingan Mewarna bagi Kanak-kanak Tadika, Sesi Bercerita dan "Words Play" untuk pelajar tahap 1. Selain aktiviti untuk kanak-kanak, Pustaka Negeri Sarawak turut memberi peluang kepada golongan remaja dan belia di dalam aktiviti "Snake & Ladders", di mana lanya menguji golongan tersebut dengan soalan-soalan terkini dan isu semasa dari pengacara majlis/pihak pengajur selain mengejar mata untuk memenangi pertandingan. Sasaran utama Pustaka Negeri Sarawak mengadakan karnival sebegini adalah untuk memancing pengunjung-pengunjung yang datang beriadah di Kuching Waterfront pada hujung minggu, untuk mendaftar menjadi ahli Pustaka Negeri Sarawak selain mengenali lebih lanjut lagi dengan perkhidmatan yang ditawarkan antaranya keahlian secara percuma untuk U-Pustaka. Di samping itu, pameran Kesedaran Bahan-bahan Terbitan, "Information Packaging Services", Pameran dan Jualan Buku Mendiang Ho Ah Choon dan jualan CD Siri Sarawakiana turut diadakan untuk para pengunjung yang datang.

Kehadiran watak "superhero" Batman, Ernie & Bert dari Program Sesame Street dan Spongebob cukup menarik perhatian bukan sahaja kanak-kanak malahan golongan dewasa turut mengambil peluang ini untuk berinteraksi dan mendapat tandatangan serta bergambar.

Pengunjung-pengunjung juga menerima pelbagai cenderamata menarik dan eksklusif dari Pustaka Negeri Sarawak apabila menjawab kuiz-kuiz yang diberikan.

Pada sebelah petang, kehadiran penyanyi remaja iaitu Daus AF8 atau nama sebenar beliau Muhamad Shahril Firdaus Eli yang dijemput khas dan sekaligus telah menggamatkan suasana Godown Amphitheatre dengan menyampaikan 2 buah lagu serta membincangkan buku kegemaran beliau di dalam Sesi Bacaan Kegemaran Saya .

Pustaka Negeri Sarawak ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengurusan Kuching Waterfront dan semua pengunjung-pengunjung yang telah menjayakan Mini Karnival Pustaka Negeri Sarawak kali ini. Nantikan kemunculan kami di lain-lain tempat pada masa yang akan datang.



# CEO MESSAGE

Assalamualaikum w.b.t.

Pustaka Negeri Sarawak sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan secara berterusan. Baru-baru ini Pustaka telah berjaya mendapatkan pensijilan bagi amalan pengurusan persekitaran kerja yang berkualiti laju amalan SS. Sesungguhnya pencapaian ini adalah bukti semangat kerja berkumpulan yang amat tinggi dalam kalangan semua staf Pustaka. Selain daripada itu Pustaka juga telah berjaya mendapatkan kelulusan bagi pembaharuan pensijilan SS untuk tahun kedua bagi Pustaka Miri. Pustaka berhasrat untuk memperkuatkukan amalan pengurusan SS ini pada tahun depan selain memperkasakan amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau Occupational Safety and Health (OSH). Kedua-dua amalan pengurusan berkualiti ini akan dapat memperkuatkukan sistem pengurusan kualiti ISO 9001:2008 yang merupakan tunjang kepada budaya kualiti di Pustaka.

Aktiviti seperti Giant Cleaning yang telah diadakan sepanjang tahun 2011 dan telah disertai oleh semua staf melalui kumpulan SS masing-masing. Usaha ini yang meliputi Pustaka Negeri, State Record Repository (SRR) dan juga Pustaka Miri telah berjaya menjadikan persekitaran pejabat Pustaka Negeri Sarawak lebih kondusif, selesa, ceria dan menarik. Ianya bukan sahaja memberi kesan yang positif kepada persekitaran pejabat tetapi juga kepada aspek kualiti yang lain seperti kualiti kerja dan kualiti peribadi kakitangan Pustaka Negeri agar merasa lebih seronok dan bersemangat untuk bekerja.

Tambahan pula, pengguna dan pelawat akan merasa selesa dan tenang apabila berada di pejabat atau kawasan Pustaka. Selain itu, amalan SS juga akan menjadikan persekitaran pejabat Pustaka yang lebih berkualiti dan selamat untuk kakitangan serta pelanggan. Ini berlaku apabila semua peralatan serta mesin berada di tempatnya, tersusun dan teratur disamping penyelenggaraan peralatan yang berkaitan keselamatan diselenggarakan mengikut jadual.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua staf Pustaka yang telah bertungkus lumus menjayakan kegiatan amalan SS sehingga berjaya memperolehi pensijilan SS. Semoga pelaksanaan ini akan sentiasa diteruskan sehingga ke masa hadapan.

Tahniah!



**Japri Bujang Masli**  
Pemangku Ketua Pengawal  
Eksekutif



## EDITORIAL COMMITTEE

### ADVISOR

Japri Bujang Masli

### EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

### COMMITTEE MEMBERS

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawie

Sofina Tan Sofian Tan

Alya Faeeqah Hj Hamali

Norzihan Abdullah

Mohd. Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



**Pustaka Negeri Sarawak**  
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
93050 Kuching, Sarawak  
Malaysia

Tel : 6 082 442000  
Fax : 6 082 449944  
Contact : [librarian@sarawaknet.gov.my](mailto:librarian@sarawaknet.gov.my)

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)

# MINGGU INOVASI PUSTAKA MIRI 2011

by Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

MIRI... Bersempena dengan Minggu Inovasi Pustaka Negeri Sarawak 2011, Pustaka Miri turut mengadakan beberapa aktiviti sepanjang 14 sehingga 18 November 2011.

Pada hari pertama iaitu Hari Bersih, staf telah terlibat dalam Gotong-royong SS di zon masing-masing sebelum mengikuti sesi ceramah motivasi bertajuk "Inovasi Diri" yang telah disampaikan oleh Kaunselor Pejabat Pelajaran Bahagian Miri Encik Jalong Wan.

Satu lagi ceramah diadakan pada keesokan harinya (Hari Sihat) iaitu ceramah berkenaan kesihatan tulang belakang dan sendi bertajuk 'A New Era In Spine & Joint Care'. Ianya telah dikendalikan oleh Pakar Kiropraktik dari The Spine & Joint Specialists Dr. Ron Van As. Turut diadakan pada hari yang sama adalah senamrolik dan sukaneka mini antara staf.

Hari Ilmu pada 16 November pula dipenuhi dengan sesi 'Bapaan Kegemaran Saya' dan 'Perkongsian Ilmu'. Pustakawan Lilian Baun Pulo dan Penolong Pustakawan Mastijah Mohamed telah membentangkan buku-buku kegemaran masing-masing manakala Pembantu Perpustakaan Abdul Aziz Haji Kassim telah berkongsi tips serta panduan pemakalan solekan siang dan malam.

Pada hari berikutnya iaitu Hari Cergas, satu siri ceramah telah diadakan iaitu Ceramah Alam Sekitar. Ianya telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kerja Kawalan Pencemaran Sungai Miri dengan kerjasama Local Agenda 21 Majlis Bandaraya Miri dan Pustaka Miri. Majlis telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Bandaraya Miri Encik Lawrence Lai Yew Son.

Sepanjang minggu tersebut juga telah diadakan Pameran Inovasi dan Hari Bersama Pelanggan bertempat di Ruang Legar Aras Bawah Pustaka Miri.

Minggu Inovasi 2011 telah diakhiri dengan perhimpunan staf bersama rakan-rakan di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching melalui sesi Webinar untuk Majlis Penutupan Minggu Inovasi Pustaka Negeri Sarawak.

Penyampaian Anugerah Audit SS Siri 3/2011 turut diadakan dan pemenang-pemenang adalah seperti berikut:


Juara Zon	:	Bumi
Zon Harapan	:	Utarid
Juara Individu	:	Abdul Aziz Haji Kassim
Individu Harapan	:	Suzanna Abdullah & Fariza Salleh
Sudut SS Terbaik	:	Zon Utarid
Loker Terbaik	:	Khuzainah Khalid



**TOLONG MENOLONG...**  
Gotong-royong SS bersama Wan Berah.



**KERJASAMA**... Sahabat setia acara  
Sukarela Mini Hari Sihat Jelutong  
takir tali.



**KHUSYUK** Para pelajar  
menapakkan sebatogian dirajadé  
yang hadir untuk Ceramah Alam  
Sekitar



**TETAMU TERHORMAT**...  
Datuk Bandar Bandaraya Miri  
Lawrence Lai (jengah)  
mewakili bandar  
berangkatkan dirajadé  
wakil pengajar zambli  
diperhatikan oleh Selina (dia  
dari Iban)



**TAHANIAH**... Penolong Ketua Zon  
Bumi Suzanna Abdullah (berani)  
menerima apit pengiktirafan Zon SS  
Terbaik dirajadé Salleh



**MESRA  
PELALANGAN**... Keuler  
Hari Bersama Pelanggan  
diadakan sepanjang  
Minggu Inovasi 2011.



## 5S - It Is Not About Colors and Shapes!

by Salina Hj Zawawi, 5S Coordinator (salinaz@sarawakncl.gov.my)

*These pictures show how supportive and appreciative our colleagues in working together for 5S, thanks to all of you!*



What is your perception of 5S? I believe it yields many different answers in the initial stage of understanding what 5S is. The likely answer is that we have to paint our office with different color tones and tag the place with exciting color codes and tags! Oh no, sadly, 5S is not about colors and shapes but much more than that, 5S is towards creating a comprehensive clean, well organized and efficient environment for all. It requires everybody to work collaboratively in perpetuating its 5 distinct principles!

For those reasons, wouldn't it be nice if we take a quick look at refreshing ourselves on those 5 utmost principles. Let's simplify them for easy understanding and appreciation:

### Principle 1 (Seiri/Sort)

- When in doubt, THROW IT OUT!

### Principle 2 (Selton/Set In Order)

- Decide and organize where to keep NECESSARY items.

### Principle 3 (Seiso/Shine)

- Perform a THOROUGH cleaning.

### Principle 4 (Seiketsu/Standardize)

- Incorporate PROCEDURES into the daily work schedule.

### Principle 5 (Shitsuke /Sustain)

- Management and leadership to MOTIVATE and INSTIL it as a norm.

Again, 5S is not merely about colors and shapes, or dividing ourselves into our own 5S teams and zones. More importantly, it is about concerted efforts in internalizing our profound 5S motto "5S – Persekutuan Kondusif, Kerja Efektif".

# Susey... 5S

oleh Ammie Syarita Mohd Jefani, 5S  
(ammies@sarawaknet.gov.my)



## OTONG ROYONG 5S

Sebagai meneruskan usaha mempertingkatkan amalan 5S, beberapa aktiviti gotong royong dijalankan oleh Kumpulan 5S sendiri dan juga dianjurkan oleh pihak pengurusan. Diantaranya adalah "General Cleaning day" dan "Hari Bersih" bersempena dengan sambutan Minggu Inovasi Pustaka.



## ES WE GOT IT!

Syukur, akhirnya Pustaka Negeri telah berjaya memperolehi pengisian Amalan Persekutuan Berkualiti 5S pada 17 Oktober 2011, daripada Malaysia Productivity Corporation, berkuatkuasa 17 Oktober 2011 sehingga 16 Oktober 2012.



## IRI AUDIT BIL 3/2011 @PENCALONAN LOKASI

Satu Siri Audit Lokasi telah berjalan dengan jayanya pada 9 November 2011. Pemenang telah diumumkan semasa Majlis Penutupan Minggu Inovasi pada 18 November 2011.

KATEGORI	NAMA KUMPULAN	LOKASI	NAMA AHLI
Terbaik	5 STAR	Closed Stack	Veronica Edward, Zuraidah Mat, Nursyamimi Abdullah, Carvin Jenie, McKinley Davis, Izaruddin Moss, Rina Rimong
Harapan	Rafflesia	Bilik Server	Amalina Drahman, Fairul Azli Banchit, Freda Padel, Zainal Ali, Siti Sarahah Sam, Musa Ayub, Nor Juliet Abdulah, Tonny Sherbern, Sukaimi Bujang, Ian Hutchinson Peter
Harapan	D'Antz	Transit Area	Aidashermilla Hashim, Suhaili Morshidi, Sunny Safrina Patrick Jitam, Nur Nadirah Firda Abdullah, Dayangku Horiah Awg Gani, Amir Hamzah Ahmad

Pemenang Terbaik Kategori Kumpulan membawa pulang cek bernilai RM100 berserta sijil penghargaan manakala semua pemenang harapan Kategori Kumpulan membawa pulang sijil penghargaan.



## UDIT 5S SIRI 4/2011 @ 15-16 DISEMBER 2011

Komititi 5S telah bersetuju untuk mengadakan audit 5S siri 4/2011 pada 15-16 Disember 2011. Mesyuarat bersama Ketua Kumpulan yang diadakan pada 30 November 2011 telah bersetuju supaya audit 5S kali ini dibuat oleh ketua/wakil kumpulan secara "cross audit".



## AKLIMAT PENGAUDITAN 5S @ 7 DISEMBER 2011

Satu taklimat pengauditan 5S telah diadakan pada 7 Disember 2011 di Bilik Koleksi Khas, Sarawakiana. Tujuan taklimat ini adalah untuk memberi sedikit tunjuk ajar dan penerangan mengenai tatacara pengauditan supaya mereka lebih bersedia sebelum menjalankan pengauditan 5S pada 15-16 Disember 2011 nanti.

Taklimat tersebut dihadiri oleh tiga (3) orang wakil dari setiap kumpulan dan dikendalikan oleh Drang Jite dan Norasemah Drahman.

## TAHUKAH ANDA ?

Bunyi yang dikeluarkan apabila mematahkan-matahkan sendi tangan, jari atau kaki adalah disebabkan oleh letupan buih di dalam sendi itu.

## MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PUSTAKA MIRI 2011: MALAM PETAK BELANG

by Sofina Tan ([sofina@sarawaknet.gov.my](mailto:sofina@sarawaknet.gov.my))

**MIRI...** Sebagai tanda penghargaan serta bersempena ulangtahun ke-sembilan Pustaka Miri, Majlis Makan Malam Tahunan Pustaka Miri 2011 telah diadakan pada 27 November 2011.

Bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Miri, majlis berkenaan telah dihadiri oleh lebih 80 orang staf dan ahli keluarga. Turut memeriahkan acara adalah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Japri Haji Bujang Masli, Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Salina Haji Zawawi dan Rakan Pustaka, Lucas Johnny.

Tujuan majlis tersebut dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (KSR) Pustaka Miri adalah bagi memberi ruang kepada staf dan ahli keluarga merapatkan ikatan silaturahim.

Selain jamuan yang enak, para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan oleh staf, cabutan bertuah, permainan dan sesi karaoke.

Mereka yang menyambut hari lahir pada bulan Oktober, November dan Disember juga turut diraikan.

Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Khas SS turut diadakan selain daripada penyampaian hadiah kepada Pakalai Petak Belang Terbaik Lelaki dan Perempuan serta Tetamu Paling 'Sporting'.



## CERAMAH KOMUNITI: ARTHRITIS

by Norizlewayy Ismail ([norizlewayy2@sarawaknet.gov.my](mailto:norizlewayy2@sarawaknet.gov.my))



Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan ceramah kesihatan bertajuk "Arthritis" pada 29 September 2011 bertempat di Auditorium, Tingkat 1, Pustaka Negeri Sarawak. Penceramah jemputan bagi ceramah ini adalah Dr. Francis Ting dari Normah Medical Specialist Centre.

Arthritis adalah keradangan pada sendi-sendi. Terdapat pelbagai jenis arthritis. Golongan tua dan muda boleh mendapat arthritis. Arthritis yang paling lazim ialah arthritis reumatoид dan osteoarthritis. Ia biasanya mendatangkan kesakitan, kemerosotan, Bengkak dan lekejangan sendi. Antara gejala serangan penyakit arthritis adalah sakit sendi, sendi membengkak, susah untuk bergerak seperti biasa, sakit bila sekelling sendi ditekan dan sebagainya.

Sesi ceramah ini mengupas mengenai faktor, gejala, simptom dan kaedah perawatan untuk penyakit arthritis secara ringkas. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta yang hadir dan penceramah. Sesi ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata dari Pustaka Negeri Sarawak kepada Dr. Francis Ting.



# HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA SEMINAR KESEDARAN BAHAN-BAHAN TERBITAN

oleh Norzhan Abdullah ([norzhaa@sarawaknet.gov.my](mailto:norzhaa@sarawaknet.gov.my))

Pada 25-26 Oktober yang lalu, Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran Pustaka, telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bersempena Seminar Kesedaran Bahan-bahan Terbitan yang diadakan di Dewan Suaraht Kota Samarahan. Program yang berlangsung selama 1 ½ jam tersebut menawarkan beberapa perkhidmatan seperti Kempen Keahlian, penjualan Siri Sarawakiana, Demonstrasi Proses Bahan Arkib, Pameran Pengurusan Rekod, Program "Born To Read", Sesi Bercerita untuk Kanak-kanak Tadika, Bacaan Kegemaran Saya, Kempen Membaca dan tayangan slaid serta panel-panel perkhidmatan yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak. Selain daripada itu, aktiviti kuiz Pustaka dan Depositori turut diadakan dan para pengunjung menerima cenderamata menarik dan eksklusif daripada kami.



## SARAWAK HERO: ROSLI DHOBY REMEMBERED AT PUSTAKA MIRI

by Sofine Tan ([sofine@sarawaknet.gov.my](mailto:sofine@sarawaknet.gov.my))



MIRI... Pustaka Miri attracted some 5,000 visitors throughout 12th September until 28th October 2011 when the library organized a special exhibition on Sarawak Hero: Rosli Dhoby.

The exhibition was in conjunction with this year's Malaysia Day and hoped to instill patriotic spirit as well as love for the state of Sarawak and Malaysia in general.

The exhibition, which was held in the Ground Floor Foyer of the library, was made possible with the assistance of Miri's renowned antique collector Lucas Johnny.

Lucas, who is also a close relative of the late Rosli Dhoby, put on display some of his personal collections of items and articles on the Sibu-hailed hero.

Visitors, including students and children, at the exhibition were also able to find out more about the patriot by approaching Lucas at the venue. He was more than pleased to share information on his late cousin's heroic contributions in liberating Sarawak from the British.

The exhibition is open to the public from 9:00am to 6:00pm daily except on gazetted public holidays.



## WORD SEARCH

Q	N	C	L	E	O	P	A	T	R	Y	A	P	O	E	T
D	C	A	P	U	L	E	T	B	Z	W	R	R	W	T	W
D	B	F	M	A	C	B	E	T	H	U	Y	W	N	H	E
R	E	S	H	U	R	A	G	I	J	T	D	A	E	R	D
O	Q	S	V	Z	O	N	G	D	B	Y	W	M	A	L	H
F	Z	E	D	S	A	E	L	N	C	Q	L	O	O	L	S
T	A	U	C	E	H	V	S	Z	Y	E	C	U	T	O	X
A	Y	G	Z	W	M	L	Q	K	T	L	W	I	P	E	O
R	R	A	U	O	Z	O	W	Q	X	E	P	K	T	M	K
T	Q	T	L	K	W	R	N	I	F	O	M	R	Y	O	P
S	Z	N	C	P	M	J	H	A	D	Y	D	P	P	R	E
U	J	O	K	I	K	E	T	E	N	E	V	V	T	V	B
T	M	M	V	R	A	G	O	Q	S	K	M	S	S	S	O
I	Q	W	D	O	S	H	Y	L	O	C	K	D	F	T	T
T	E	O	G	A	I	T	R	O	P	W	D	R	C	A	T
E	T	Y	W	E	N	Z	I	R	D	B	S	O	N	N	E
R	A	E	L	A	N	O	R	E	V	K	D	M	H	U	B

ANTHONY	IAGO	PORIA
CAPULET	IDES	ROMEO
CATO	LADY	SHEREW
CLEOPATRA	LEAR	SHYLOCK
DESDEMONA	MACBETH	SONNET
EROS	MONTAQUE	STRATFORD
HAMLET	OTHELLO	TEMPEST
HENRY	PLAY	TITUS
HERO	POET	VERONA

## "MEMORIES OF BARAM" interactive photograph exhibition

By Sufina Tam [jessina@sarawaknet.gov.my](mailto:jessina@sarawaknet.gov.my)



**MIRI...** From the 8th until 18th November 2011, Pustaka Miri was the co-organizer and venue for a Photographic Exhibition entitled 'Memories of Baram'.

Some 400 photographs featured were those archived by the Sarawak Museum taken between 1950 and 1978 in the upper Baram and Tinjar areas which had never been exhibited before.

These images were from communities of Long San, Long Atun, Long Buroi, Long Jegan, Long Kiput, Long Loyang, Long Teru, Long Makabar, Long Selatong, Long Sobeng, Long Miri, Long Laput, Long Liam, Long Moh and other villages as well as longhouses.

Members of the public, especially those of Kenyah, Kayan and Berawan heritage, were invited to participate in the exhibition by giving comments and feedback to help document the history and culture of the communities featured.

The exhibition was part of a research project carried out by Swinburne University of Technology. The main organizer and curator of the exhibition was PhD researcher Christine Horn.



## BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA SELEBRITI DAUS AF8 SEMPENA HARI BERSAMA PELANGGAN

by Norfaizah Ismail [norfaizah@sarawaknet.gov.my](mailto:norfaizah@sarawaknet.gov.my)

Bersempena dengan penganjuran Hari Bersama Pelanggan Pustaka Negeri Sarawak pada 15 Oktober 2011 yang lalu di Godown Amphitheatre, Kuching Waterfront, salah satu slot aktiviti yang diselitup adalah Sesi Bacaan Kegemaran Saya bersama Selebriti Daus AF8. Aktiviti diadakan bertujuan untuk mempromosikan dan memupuk minat membaca di kalangan masyarakat.

Selebriti yang dijemput khas untuk sesi ini adalah Encik Muhamad Shahril Firdaus bin Eli atau lebih dikenali dengan nama Daus AF. Bellau membentangkan buku yang bertajuk 55 Petua Orang Berjaya oleh Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah & Ahmad Fadzli Yusof. Buku tersebut mengupas mengenai usaha gigih adalah penting dalam mencapai kejayaan dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Disamping berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan impian masing-masing, turut membentangkan buku pada hari tersebut adalah Pn Alvaena Valentine, staf Pustaka Negeri Sarawak dengan bukunya yang bertajuk Iham Hati hasil nukilan Damy Hanna. Buku ini juga berkisar mengenai pentingnya usaha gigih dan tidak mudah berputus asa dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

Sesi pada hari tersebut mendapat sambutan meriah daripada pengunjung yang mengunjungi kawasan Kuching Waterfront dan juga ahli fanclub Daus AF sendiri.

## SARAWAKIANA TALK: "SARAWAK'S MUSEUM: IN CONTEXT"

by Louise Macul [louisam@sarawaknet.gov.my](mailto:louisam@sarawaknet.gov.my)

On November 24, 2011 Ms. Louise Macul, the advisor of the Sarawak State Museum gave a two-hour Sarawakiana talk titled 'Sarawak's Museum: In Context' at Special Collections Room, Level 1, Pustaka Negeri Sarawak.

This talk was in commemoration of the 125th anniversary of the founding of the temporary Sarawak Museum in 1886. The talk features the history of the Sarawak State Museum. She also explained on a historical context in which the Museum was founded: scientifically, politically and philosophically.

The Sarawak Museum has always been intended to be a museum for the people of Sarawak to showcase their own natural history and culture. It possesses Sarawak's unique and proves that it truly belongs to its people.

In general, Sarawakiana talk 2011 is held on a quarterly basis, covering subjects on Sarawak's culture and heritage.



## POTENSI & PELUANG PASARAN PRODUK HERBA DI MALAYSIA

oleh Shafiqah Siti Wan Razali ([sitiwanrazi@pustakasarawak.net.gov.my](mailto:sitiwanrazi@pustakasarawak.net.gov.my))

Seramai 144 orang telah menghadiri sesi ceramah yang bertajuk "Potensi & Peluang Pasaran Produk Herba di Malaysia" yang telah diadakan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak pada 12 Oktober 2011 yang lepas. Penceramah untuk sesi ceramah tersebut adalah Dr. Chua Hun Pin adalah seorang Pegawai Penyelidik Prinsipal dari Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia.

Sesi ceramah ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kelebihan produk herba bukan sahaja untuk kesihatan malah boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan. Penceramah turut berkongsi mengenai tumbuh-tumbuhan herba yang boleh dijadikan produk kesihatan dan mendapat tempat di pasaran Malaysia. Selain itu, beliau turut memberi tips dan berkongsi pengetahuan kepada jemputan mengenai teknik mengenali tumbuh-tumbuhan herba dan organisasi yang bertanggungjawab untuk dirujuk sekiranya mempunyai kemasukan mengenai tumbuhan herba sebelum dijadikan produk kosihatan. Sesi ceramah pada hari tersebut, diakhiri dengan sesi soal jawab dari para jemputan yang berminat untuk membawa produk herba di dalam pasaran Malaysia.



## TAHUKAH ANDA ?

Planet Pluto mengambil masa 248 tahun untuk mengelilingi matahari. Setiap 20 tahun ia mengubah orbitnya bagi mengelak dari berlanggar dengan planet Neptune.

## HARI TERBUKA OKU

oleh Nurhalandy Ismail ([nurhalandy@pustakasarawak.net.gov.my](mailto:nurhalandy@pustakasarawak.net.gov.my))



Pada 8 Oktober 2011 Hari Terbuka OKU telah diadakan di Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti Bau (PDK Bau). Program ini merupakan anjuran bersama antara Pustaka Negeri Sarawak dan PDK Bau dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pelbagai aktiviti yang diadakan bersempena dengan Hari Terbuka OKU ini, antaranya adalah pameran oleh Pustaka, kempen keahlian Pustaka Negeri Sarawak disamping mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, satu sesi ceramah yang disampaikan oleh Pn Ng Kui Choo (wakil negeri bagi Pensuruan Sindrom Down Malaysia) yang bertajuk "Travelling the Road Not Chosen" Pn Ng berkongsi maklumat mengenai penjagaan kanak - kanak istimewa dan pengalaman beliau sendiri menguruskan anak perempuannya yang Sindrom Down. Antara aktiviti lain yang turut berlangsung adalah pertandingan mewarna dan persembahan yang bertemakan Pop Ye Ye. Diselitkan juga aktiviti penjualan barang kraf dan makanan yang dihasilkan oleh setiap pusat pemuliharaan.

Melalui pengajuran program ini diharap dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat sekitar mengenai golongan istimewa. Disamping mempromosikan Pustaka Negeri Sarawak sebagai sebuah gedung ilmu dan memberikan kesedaran kepada golongan istimewa dan masyarakat mengenai betapa pentingnya perkongsian maklumat.

## HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA KARNIVAL JALUR LEBAR 1 MALAYSIA

oleh Norzahani Abdulrahman ([norzahani@pustakasarawak.net.gov.my](mailto:norzahani@pustakasarawak.net.gov.my))

Pustaka Negeri Sarawak berbesar hati kerana telah dijemput oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KKPK), Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bersama dengan Telekom Malaysia Berhad untuk menyertai Karnival Jalur Lebar 1 Malaysia pada 29-30 Oktober 2011 bertempat di Dataran Bandar Sibu Fasa 1, Sibu, Sarawak. Lebih kurang 200 orang pengunjung telah datang ke tapak pameran Pustaka Negeri Sarawak yang menyediakan pameran perkhidmatan-perkhidmatan, penjualan Siri Sarawakiana, kempen keahlian Pustaka dan kuiz. Pameran yang melibatkan beberapa buah syarikat telekomunikasi yang terkena di Malaysia dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain ternyata dapat mengerakkan lagi talian hubungan yang baik di antara satu sama lain. Terima kasih kepada warga Sibu kerana amat menghargai kedatangan kami kali ini.



## KONSEP PUSTAKA MALAYSIA

★ Menyediakan akses kepada gedung sumber ilmu pengetahuan kepada seluruh lepasan tidak terbatas sempena masa dan lokasi

★ Menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan sosial dan ekonomi

★ Menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan sosial dan ekonomi



Sesi literasi u-Pustaka yang diadakan di Perpustakaan Jular Lebar Sri Aman, Betong, Sarawak oleh Sarawak.

## PROGRAM LITERASI U-PUSTAKA

oleh Sitiulish Sora Wan Rosali ([sisunaris@sarawaknet.gov.my](mailto:sisunaris@sarawaknet.gov.my))

Unit Perkhidmatan Maklumat Niaga, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan program literasi u-Pustaka untuk pelajar sekolah menengah dan rendah di kawasan Kuching, Sri Aman, Betong, Saratok dan Sarikei pada 25 – 28 Oktober 2011 manakala untuk kakitangan kerajaan pula pada 16 & 21 November 2011. Program literasi tersebut diadakan adalah untuk memberi pendekatan kepada masyarakat umum mengenai perkhidmatan u-Pustaka yang membolehkan masyarakat umum mendapat ilmu dan memupuk minat membaca tidak kira dimana sahaja mereka berada.

Oleh itu, pendekatan kepada kakitangan kerajaan, pelajar sekolah rendah dan menengah diadakan di Perpustakaan Jular Lebar yang terdapat di daerah Sri Aman, Betong, Saratok dan Sarikei. Maklum balas yang diberikan oleh masyarakat umum mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh u-Pustaka amatlah memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa betapa masyarakat Sarawak begitu berminat untuk menimba ilmu pengetahuan tidak kira dengan apa kaedah sekalipun.

## SEMINAR KESEDARAN PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN

oleh Jassmine Juman ([jassmine@sarawaknet.gov.my](mailto:jassmine@sarawaknet.gov.my))

Pada 25 dan 26 Oktober 2011 Bahagian Penyerahan Bahan-bahan Terbitan Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan bertempat di Dewan Suara, Kota Samarahan. Seminar selama dua hari tersebut adalah anjuran bersama antara Pustaka Negeri Sarawak dan Pejabat Resident Bahagian Kota Samarahan.

Objektif seminar adalah untuk memberi penerangan dan kefahaman tentang "Legal Deposit", keperluan, faedah dan implikasi, meningkatkan kesedaran tentang perlunya terbitan Negeri dikumpulkan untuk dipelihara sebagai warisan intelek bangsa, menjalin kerjasama di kalangan penerbit dan Pustaka Negeri Sarawak dan tanggungjawab mereka terhadap keperluan yang termaktub di bawah Sarawak State Library Ordinance, 1999 serta memberi penjelasan tentang peranan Pustaka Negeri Sarawak sebagai Pusat Penyerahan Negeri.

Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan yang dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Pengurus Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak dihadiri seramai 82 orang peserta daripada agensi kerajaan, agensi swasta, ketua masyarakat, persatuan-persatuan, sekolah dan orang awam. Selain wakil daripada Pustaka Negeri Sarawak, pembentangan kertas kerja seminar turut melibatkan penceramah daripada jabatan lain seperti Perbadanan Harta Intelek dan Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan Penceramah persendirian daripada Fakulti Undang-undang UTM, Shah Alam.

Persembahan turut diadakan oleh SMK Batu Kawa selaku salah satu daripada sekolah penerbit dan seterusnya disusuli dengan pelancaran buku terbitan SMK Batu Kawa iaitu "Qasidah Ramadhan & Syawal" oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Pengurus Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak.

Pustaka Negeri Sarawak juga mengadakan pameran yang turut melibatkan penyertaan daripada beberapa agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri dan Perbadanan Harta Intelek. Aktiviti-aktiviti lain yang diadakan sepanjang dua hari seminar tersebut adalah seperti Hari Bersama Pelanggan, Kuiz Sektor Perkhidmatan Depositori, Demo Pemprosesan Bahan Arkib, Program Bacaan Kegemaran Saya, Sesi Kempen Galakan Membara, Taklimat U-Pustaka, Sesi Born To Read dan Sesi Bercerita Bersama Kanak-kanak Tadika.

Penyertaan untuk aktiviti penjualan buku daripada persatuan dan kedai-kedai buku tempatan juga amat menggalakkan seperti MPH Bookstore Kuching, My Bookstore Kuching, Persatuan Sejarah dan Harmoni Bookstore Kuching.

Persembahan turut diadakan oleh SMK Batu Kawa selaku salah satu daripada sekolah penerbit dan seterusnya disusuli dengan pelancaran buku terbitan SMK Batu Kawa iaitu "Qasidah Ramadhan & Syawal" oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Pengurus Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak.



# Congratulations on your new born



Nama Staf (Ibu) : Nor Juliet Edward  
Jawatan/Sektor : Penolong Pegawai  
Record Management  
Executive/Sektor  
Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi  
Nama Anak : Mysuree Bt Exquanda  
Tarikh Lahir : 24.08.2011



Nama  
**Mehd Afis Bin Mohammad Adenan**  
Jawatan  
**Pengawal Keselamatan Grad KP11**  
Tarikh Melapor Diri  
**1 Oktober 2011**  
Penempatan  
**Pustaka Miri**



Nama Staf (Ibu) : Anita Bt Hamdan  
Jawatan/Sektor : Penolong Pegawai  
Tadbir/Sektor  
Pengurusan Korporat  
Nama Anak : Ariana Mawaddah  
Bt. Lakmen  
Tarikh Lahir : 16.11.2011



Nama  
**Nur Alia Qayrina Sim Abdullah**  
@@ Sim Siew Chen  
Jawatan  
**Pembantu perpustakaan Grad S17**  
Tarikh Melapor Diri  
**16 November 2011**  
Penempatan  
**Pustaka Miri**



Nama Staf (Bapa) : Ahmed Bin Shamsuddin  
Jawatan/Sektor : Pustakawan, S41/  
Bahagian  
Perkhidmatan Maklumat,  
Pustaka Miri  
Nama Anak : Harni Ouzqaman Bin  
Ahmad  
Tarikh Lahir : 16.11.2011



Nama  
**Norfaezan Binti Abdul Jalil**  
Jawatan  
**Pembantu Perpustakaan Grad S17**  
Tarikh Melapor Diri  
**1 Disember 2011**  
Penempatan  
**Pustaka Miri**

Nama Staf (Ibu) : Siti Khairunissa Bt Rosli  
Jawatan/Sektor : Penolong pegawai  
tadbir/sektor  
pengurusan korporat  
Nama Anak : Shazia Binti Shehrul  
Tarikh Lahir : 8.12.2011



Nama Staf (bapa) : Mohammed Abdullaah  
Bin Hamedan  
Jawatan/Sektor : Juruteknik/Sektor  
Pengurusan Korporat  
Nama Anak : Muhammad Raffi  
Bin Mohammad Abdullaah  
Tarikh Lahir : 28.11.2011

**Tahniah**

Nama Staf  
**Amalina Bt. Drahman**  
Jawatan/Sektor  
Penolong Pegawai Sistem Maklumat/Sektor  
Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Nama Pasangan  
Kamarul Aris bin Kamalluddin  
Tarikh Perkahwinan  
**11 November 2011**

## ***Listing of Visits to PUSTAKA NEGERI SARAWAK***

### **OKTOBER 2011**

<b>TARIKH</b>	<b>PELAWAT / ORGANISASI</b>
1	Lawatan Sekolah Kebangsaan Nanga Dayu
8	Lawatan Sekolah Kebangsaan Asajaya Laut Lawatan KEMAS
20	Lawatan Sekolah Kebangsaan Datuk Bandar
21	Lawatan Sekolah Kebangsaan Penom
22	Lawatan Politeknik Kuching Sarawak
29	Lawatan Tabika KEMAS Lawatan Sekolah Kebangsaan San Semanju
31	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Arang

### **NOVEMBER 2011**

<b>TARIKH</b>	<b>PELAWAT / ORGANISASI</b>
1	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa Lawatan Sekolah Kebangsaan Empila
3	Lawatan Tabika KTP Sekama
4	Lawatan SK Sungai Mador
9	Lawatan SMK Padawan Lawatan SK Muara Tuang
19	Lawatan Taska Masjid Daerah Serian Lawatan Girls' Brigade Kuching

### **DISEMBER 2011**

<b>TARIKH</b>	<b>PELAWAT / ORGANISASI</b>
11	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Sedaya

## ***Listing of Visits to PUSTAKA MIRI***

### **TARIKH**            **PELAWAT / ORGANISASI**

08.10.11	SK Nanga Tada, Kanowit
20.10.11	SMK Agama Miri
22.10.11	Tabika KEMAS Flat W. Perselutuan, Miri
26.10.11	SK Anchi, Miri
02.11.11	Tabika KEMAS Kpg. Desa Pujut, Miri
05.11.11	SMK Marudi, Baram
05.11.11	SK Sg. Peling, Baram
09.11.11	Tabika KEMAS Kpg. Senodin, Lutong
10.11.11	SK Lutong, Miri
10.11.11	Tabika KEMAS IKNB Miri
12.11.11	SK Sua! Satu, Niah
12.11.11	PLKN Sungai Rait, Miri
23.11.11	Early Learning Centre, Miri
20.12.11	SMK Sibu Jaya, Sibu